

07 OCT 1997

Pemuda-Kewangan

ADAKAN PENDIRIAN BERSAMA ASEAN, KATA PEMUDA UMNO

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno hari ini meminta Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim memanggil mesyuarat tidak rasmi menteri-menteri kewangan Asean bagi mengambil ketetapan bersama dalam menangani serangan asing terhadap kestabilan ekonomi rantau ini.

Ketuanya Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata mesyuarat itu diharapkan dapat mengenal pasti usaha terbaik bagi membolehkan rantau ini terus mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang rancak.

"Kita mahu pertemuan ini juga dilanjutkan dengan pembabitan negara Asia Timur dalam semangat Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC)," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat khas Pemuda mengenai masalah kejatuhan mata wang dan pasaran saham yang dialami negara sekarang.

Katanya Pemuda berpendapat negara-negara maju di Asia Timur seperti Jepun dan Korea Selatan perlu memainkan peranan aktif untuk membantu negara Asia Tenggara kerana kemakmuran rantau ini memberikan manfaat kepada semua pihak.

Ahmad Zahid juga berkata Pemuda akan menyerahkan satu memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berhubung masalah ekonomi Malaysia sekarang.

Pergerakan Pemuda, yang mahukan Dr Mahathir meneruskan kepimpinan negara, yakin bahawa Perdana Menteri bersama-sama Anwar dan anggota Kabinet lain akan meneruskan agenda perjuangan memartabatkan kembali ekonomi dan keupayaan negara.

"Pemuda ingin memberi amaran kepada mana-mana pihak dalam dan luar negara jangan cuba mengadu-domba dan menggoncang kepimpinan negara," kata Ahmad Zahid yang membacakan satu kenyataan akhbar.

Kalangan media asing mencadangkan agar Dr Mahathir berundur kerana dikatakan gagal mengatasi krisis mata wang dan pasaran saham.

Pemuda juga menuntut pemimpin parti komponen Barisan Nasional dan menteri-menteri supaya tidak lagi melayani sebarang permintaan temuramah dengan media asing buat sementara waktu kerana mereka jelas mempunyai niat memutar-belitkan kenyataan dan ini hanya memburukkan lagi keadaan dalam negara.

"Pemuda dapat mengesan pakatan media asing yang cuba mewujudkan rasa tidak senang negara anggota Asean terhadap perdana menteri yang digambarkan sebagai penyebab kepada masalah yang melanda Asia Tenggara.

"Kita meminta Menteri Penerangan berhubung dengan rakan sejawatannya bagi memastikan Asean tidak terpengaruh dengan dakyah media asing di samping memastikan usaha bersama diambil bagi menangkis serangan itu," kata Ahmad Zahid.

Katanya lagi media tempatan juga tidak harus menjadi penyambung lidah media asing dengan memetik laporan mereka yang jelas cuba menggugat kestabilan negara ini.

Ahmad Zahid berkata masyarakat tidak harus keliru dan terpengaruh dengan petunjuk indeks di Bursa Saham Kuala Lumpur kerana ia bukanlah kayu ukaran mutlak kepada kedudukan dan kekuatan ekonomi semasa negara.

Pergerakan itu juga meminta golongan ahli akademik, pakar ekonomi, pengurus dana, tokoh korporat dan pertubuhan bukan kerajaan supaya menggunakan kemampuan dan semua saluran untuk sama-sama meneruskan agenda memantapkan ekonomi negara.

-- BERNAMA

MAM NMO